



UNTUK SIARAN
SEGERA

SIARAN MEDIA

GLOMAC BERHAD CATAT KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK RM33.4 JUTA, BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

Status Kewangan Yang Mapan Dorong Rancangan Pembangunan Masa Hadapan

Kuala Lumpur, 24 Jun 2025: Glomac Berhad (“Glomac” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah yang telah memenangi berbilang anugerah bagi pelbagai pembangunan di Kuala Lumpur Raya, Selangor dan Johor, mengumumkan pendapatan kewangan untuk suku tahun keempat yang berakhir pada 30 April 2025 (S4 TK2025). Kumpulan mencatatkan pendapatan tidak diaudit sebanyak RM74.9 Juta dan Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) sebanyak RM 12.1 Juta pada S4 TK2025.

Pada TK2025 berakhir pada 30 April 2025, Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM 238.3 Juta. Pendapatan yang kukuh ini disumbang oleh aktiviti pembinaan berterusan, termasuk projek-projek pembangunan di Saujana Perdana, Lakeside Residences dan Plaza@Kelana Jaya. Pada TK2025, PBT telah meningkat kepada RM33.4 Juta daripada RM32.9 Juta tahun sebelumnya, disumbang oleh margin yang lebih kukuh daripada pembangunan bernilai tinggi, keuntungan daripada pelupusan harta pelaburan, dan kos kewangan yang lebih rendah.

Glomac telah berjaya melengkapkan dan menyerahkan beberapa projek termasuk, 121 Residences, sebuah pembangunan residensi bertingkat tinggi dengan Nilai Pembangunan Kasar Dianggarkan (“GDV”) sebanyak RM334 Juta. Hal ini mencerminkan iltizam berterusan kumpulan dalam memastikan pelaksanaan projek disiapkan mengikut jadual sambil menepati standard kualiti yang ditetapkan.

Kedudukan kewangan Glomac terus menunjukkan perkembangan yang mapan dengan pengedaran bersih menghampiri sifar dan dana pemegang saham sejumlah RM1,200.9 Juta. Setakat 30 April 2025, wang tunai dan baki bank berjumlah RM235.7 Juta, menyediakan tahap kecairan yang kukuh bagi menyokong

pembangunan berterusan dan strategi peluasan tanah kumpulan. Aset bersih sesaham yang boleh diagihkan kekal pada RM1.56, ini menunjukkan nisbah harga kepada buku (price-to-book ratio) dalam anggaran 0.20 kali.

Pada S4 TK2025, Glomac telah melancarkan fasa baharu melalui pembangunan komuniti bersepadu yang rancak dan berkembang maju. Pelancaran utama termasuk rumah berkembar di KEYS, Lakeside Residences, rumah teres dua tingkat di ALLAMANDA, Saujana KLIA dan juga di ALAMANDA, Saujana Jaya, Kulai Johor. Pelancaran ini telah mendapat respon pasaran yang baik, mencatat kadar pengambilan unit yang menggalakkan sejak pelancaran. Kesemua 112 unit rumah teres dua tingkat di Bandar Saujana Utama, dilancarkan pada S1TK2025, telah terjual sepenuhnya pada S4TK2025. Glomac telah berjaya merekodkan jualan sebanyak RM332 Juta sepanjang tahun kewangan, syarikat berjaya mengekalkan momentum jualan yang kukuh, didorong oleh penawaran produk kediaman yang disasarkan dengan tepat, responsif terhadap kehendak pasaran, dan seiring dengan keutamaan pembeli masa kini.

Menjelang TK2026, Glomac terus mengekalkan momentum pelancarannya dan akan terus mengamalkan pendekatan yang berdisiplin serta sejajar dengan keperluan pasaran dalam memperkenalkan produk baharu. Glomac sedang merancang pelancaran baharu dengan GDV danggarkan sebanyak RM324 Juta, merangkumi sepenuhnya hartanah residensi teres. Agenda utama pelancaran meliputi dua fasa baharu teres dua tingkat di Serai@SBCR dan sebuah fasa baharu rumah berkembar di KEYS, Lakeside Residences.

Disokong oleh kedudukan kewangan yang kukuh, Glomac bersedia untuk memacu aktiviti pembangunan di masa hadapan, mengekalkan kedudukan tunai yang kukuh dan penggearing tidak ketara. Glomac juga telah mengukuhkan rizab modal melalui Program Sukuk Wakalah, menyediakan kapasiti pembiayaan sehingga RM3.0 Billion. disokong oleh simpanan tanah yang terletak secara strategik di kawasan berpotensi tinggi dengan anggaran GDV sebanyak RM6 Billion, memperteguh kedudukan Glomac untuk mengembangkan pembangunan pada masa hadapan.

Glomac telah mencadangkan pembayaran dividen sebanyak 1.25 sen sesaham biasa bagi TK2025. Tertakluk kepada pemuktamadan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan. Ini susulan pembayaran dividen satu peringkat

sebanyak 1.0 sen sesaham yang diisytihar dan dibayar pada 30 Disember 2024, menjadikan jumlah keseluruhan pembayaran dividen bagi tahun kewangan tersebut sebanyak 2.25 sen sesaham bagi TK2025.

Bagi mengekalkan kedudukan sebagai pemaju yang bereputasi dan dipercayai, Glomac menerima beberapa penganugerahan berprestij termasuk pengiktirafan di *The Edge Malaysia Property Excellence Awards 2025* dengan meraih *Top 20 Property Developers Awards*. Glomac juga dianugerahkan *The All-Stars Award - Top 10 Listed Companies* serta dianugerahkan 'Honours' bagi kategori *The Family-Friendly Award 2025 - Best Family-Centric Development (Landed) for Selangor* bagi projek Serai@SBCR dan *The Neighbourhood Award 2025 - Best Comprehensive Township (Below 500 Acres)* bagi KEYS, Lakeside Residences pada malam gala StarProperty Awards 2025.

Penghargaan ini membuktikan komitmen berterusan Glomac untuk terus mencetus kejayaan dalam pembangunan hartanah serta mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju dalam landskap hartanah Malaysia menerusi pembangunan berimpak tinggi, ketahanan korporat yang terbukti, serta kepimpinan strategik yang memacu nilai jangka panjang.

GLOMAC BERHAD

24 JUN 2025

Hubungi Kami:

Jabatan Kumpulan Komunikasi Korporat

gccm@glomac.com.my

Glomac Berhad

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (high-rise), atas tanah (landed) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan dijadikan kediaman serta pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik bagi bakal pembeli dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan pemilik rumah.